

Profil Jawatan Kosong

| | | |
|---------------------|---|--|
| Agensi | : | Biro Perkhidmatan Pendidikan-Majlis Islam Sarawak (BPP-MIS) |
| Nombor Rujukan | : | BPP/01A/2024 |
| Tarikh Iklan Dibuka | : | 25 Mac 2024 |
| Tarikh Tutup Iklan | : | 12 April 2024 |
| Jawatan | : | Eksekutif C |
| Taraf Jawatan | : | Tetap |
| Kekosongan | : | 1 |
| Stesen Bertugas | : | Kuching |
| Jadual Gaji | : | Gaji Minimum: RM2,960.10 Gaji Maksimum: RM8,956.08 |

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (b) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (c) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (d) Berminat dan pernah menjalankan penyelidikan dan pembangunan program;
- (e) Mempunyai kemahiran menggunakan aplikasi komputer dan boleh bekerja dengan pengawasan yang minima;
- (f) Mempunyai sahsiah yang baik dan teliti; dan
- (g) Boleh berkomunikasi dan menulis dengan cemerlang dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta boleh bekerja dengan pengawasan yang minimum.

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan **Borang Permohonan (boleh dimuat turun dari laman sesawang MIS) berserta resume** yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja berserta **salinan sijil yang telah disahkan** dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) **sebelum atau pada 12 April 2024 (Jumaat)** kepada:

**SETIAUSAHA
MAJLIS ISLAM SARAWAK
ARAS 16, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P.RAMLEE, OFF JALAN P.RAMLEE
93400 KUCHING, SARAWAK
(u.p.: UNIT SUMBER MANUSIA, MIS)**

Catatan Am:

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.